



PERBADANAN MUZIUM MELAKA

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN :09 SEPTEMBER 2024

Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) merupakan Badan Berkanun Kerajaan Negeri Melaka mempelawa warganegara Malaysia keutamaan kepada **ANAK NEGERI MELAKA** berumur tidak kurang daripada **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan dan berpengalaman bekerja bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

Nama Skim Perkhidmatan	: PEMBANTU OPERASI GRED N11
Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran & Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Tetap
Bilangan Kekosongan	: 2
Jadual Gaji Minimum-Maksimum	: RM1,216.00 - RM2,983.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM80.00
1. SYARAT LANTIKAN	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none">a) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,216.00) ataub) PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]. (Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,262.15)
2. SYARAT KELAYAKAN MELAYU	BAHASA: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. DESKRIPSI TUGAS	: Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat <i>hands-on</i> yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat/ muzium.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan PERZIM**.
2. Borang Perjawatan PERZIM dan syarat-syarat permohonan boleh dimuat turun dari laman web PERZIM: www.perzim.gov.my mulai pada **09 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)**.
3. Semua permohonan hendaklah menyertakan sijil atau dokumen berkaitan **YANG DISAHKAN** dengan tandatangan dan cop pengesahan sama ada oleh Pegawai Kerajaan (Gred 41 ke atas)/ Pengerusi Japerun/ Penghulu/ Pengerusi JPKK/ Sidang pada DOKUMEN WAJIB seperti berikut:
 - i. Sekeping gambar terkini berukuran pasport (gambar swafoto/ *selfie* tidak dibenarkan);
 - ii. Salinan Kad Pengenalan baru;
 - iii. Salinan Sijil Kelahiran;
 - iv. Lesen Memandu Kenderaan;
 - v. Salinan sijil/ kelulusan persekolahan;
 - vi. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah disertakan salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini; dan
 - vii. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
4. Sila catatkan nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat apabila mengemukakan permohonan.
5. Pengurusan PERZIM berhak menolak dokumen permohonan yang tidak lengkap, tidak kemas, kotor dan terlalu banyak kesilapan serta pengesahan yang tidak layak. Jangan ubahsuai borang tersebut dan pastikan muka surat lengkap sebelum dicetak.
6. Semua dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Pengurus Besar
Perbadanan Muzium Melaka
Kompleks Muzium Negeri
Jalan Kota, 75000 Melaka
(u.p: Seksyen Khidmat Pengurusan)**

7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 18 SEPTEMBER 2024 (RABU) JAM 4.30 PETANG.**
8. Bukti penghantaran tidak boleh dijadikan sebagai sebagai bukti penerimaan. Kos penghantaran adalah dibawah tanggungan pemohon dan hanya Borang Permohonan Jawatan PERZIM secara bercetak sahaja diterima dan diproses.
9. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) BULAN DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN hendaklah secara **automatik** menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.